M/SURAT: 2

# Harga minyak naik kerana kos - PM



Harga diesel cecah RM6.72 seliter pada Khamis, kenaikan lebih 120 peratus sejak Februari.

LAPORAN MUKA DEPAN

**Insurans dan logistik melonjak walaupun bekalan masih mencukupi**

Oleh DIANA AZIS

**PUTRAJAYA** – Kenaikan harga bahan api di Malaysia susulan konflik Asia Barat bukan berpunca daripada kekurangan bekalan semata-mata, sebaliknya didorong oleh lonjakan kos insurans, logistik dan premium risiko global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, walaupun laluan utama seperti Selat Hormuz masih berfungsi dan penghantaran minyak ke negara ini tidak terhenti, kos sebenar meningkat ketara akibat tekanan kos rantaian bekalan.

"Kalau soal laluan (Selat Hormuz), Alhamdulillah hubungan baik Malaysia dengan Iran membolehkan kapal Petronas melepasi dan dalam beberapa hari lagi akan sampai ke Pengerang (Johor), Insya-ALLAH.

"Tetapi ia tidak berakhir di situ. Kos minyak yang lama, yang diambil sebelum perang, tersangkut di Selat Hormuz dan sekarang beralih ke Pengerang, itu kosnya meningkat kerana kos insurans itu sudah melepasi 100 peratus, kos pengangkutan juga bertambah," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan di sini, pada Khamis.

Kenaikan itu berlaku secara berperingkat sejak konflik Asia Barat pada penghujung Februari lalu, dengan harga diesel di Semenanjung meningkat lebih 120 peratus kepada RM6.72 seliter ketika ini.

Menurut beliau, peningkatan kos tersebut menyebabkan minyak yang sepatutnya lebih murah untuk diproses kini menjadi lebih mahal apabila tiba di negara ini.

Kementerian Kewangan sebelum ini mengumumkan harga diesel di Semenanjung meningkat 70 sen bagi minggu 9-15 April, manakala petrol RON97 dan RON95 tanpa subsidi masing-masing naik 40 sen.

Harga RON97 ditetapkan pada RM5.35 seliter berbanding RM4.95 sebelum ini, manakala RON95 tanpa subsidi meningkat kepada RM4.27 seliter daripada RM3.87 seliter.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, setiap dasar kerajaan termasuk pengurangan kuota BUDI95 kepada 200 liter sebulan dibuat dengan mengambil kira cabaran semasa dan masa depan.

Beliau mengakui terdapat rungutan dalam kalangan rakyat, namun menegaskan langkah itu bertujuan mengelakkan beban lebih besar pada masa akan datang.

"Saya boleh luluskan (kembalikan kuota asal) bagi menyenangkan rakyat dan bagi semua happy (gembira) sementara, selepas itu masing-masing akan terima beban. Tak boleh.

"Apa-apa dasar yang diputuskan oleh kerajaan telah memikirkan cabaran kini dan cabaran masa depan. Apa yang kita boleh lakukan, kita lakukan," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau menegaskan kekuatan diplomasi Malaysia membantu memastikan kelangsungan bekalan apabila hubungan baik dengan Iran membolehkan kapal dagang negara melalui Selat Hormuz.

Anwar berkata, dalam perbincangannya dengan Presiden Iran, Masoud Pezeshkian, jaminan telah diberikan untuk memastikan kapal Malaysia termasuk milik Petronas dapat meneruskan perjalanan dengan selamat.

Sebelum ini, Kementerian Luar mengesahkan satu daripada tujuh kapal Malaysia yang terkandas di Selat Hormuz telah diberi laluan dan kini dalam perjalanan ke destinasi akhir.

Konflik yang tercetus sejak 28 Februari lalu di Asia Barat turut menjejaskan laluan strategik itu yang mengendalikan kira-kira 20 peratus aliran minyak mentah dan gas dunia.

BH BeritaHarian

HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/4/2026
M/SURAT: 9

# Aktiviti jual RON95 seludup di Sungai Golok hampir lumpuh

## Penguatkuasaan ketat di sempadan Kelantan antara punca bekalan sukar diperoleh

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

**Sungai Golok:** Lebih 100 premis dan gerai di pekan Sungai Golok yang sebelum ini aktif menjual petrol RON95 seludup dari Kelantan, kini hampir lumpuh selepas bekalan bahan api itu dipercayai terputus sejak bulan lalu.

Tinjauan di sekitar pekan Sungai Golok mendapati, gerai sebelum ini meriah dengan disusun pelbagai jenis petrol seludup itu kini sepi, selain banyak gerai kini ditutup.

Sepanjang tinjauan selama tiga jam itu, hanya tiga premis dikesan masih menjual bekalan petrol, namun peniaga terpaksa mencatu jualan hanya satu liter bagi setiap pembelian memandangkan bekalan yang ada hanya beberapa liter sahaja.

Malah, harga jualan meningkat selepas bekalan sukar diperoleh, iaitu antara 38 baht (RM4.35) hingga 40 baht (RM4.77) bagi satu liter, berbanding hanya 20 baht (RM2.40) sebelum ini.

Kebanyakan gerai juga tidak memaparkan harga seperti kebiasaan kerana harga jualan kini berbeza-beza mengikut jumlah bekalan petrol yang ada.

Situasi itu begitu ketara jika dibandingkan ketika tinjauan sama dilakukan pada November tahun lalu apabila setiap gerai meriah dengan jualan petrol seludup dalam pelbagai saiz sama ada satu liter, 10 liter atau 20 liter.

Jika sebelum ini, minyak seludup dari Malaysia itu bukan hanya dijual di sekitar Pekan Golok, sebaliknya sehingga ke Pattani, iaitu tempoh perjalanan mengambil masa lebih dua jam dari Sungai Golok.

Penduduk di pekan berkenaan mendakwa hanya beberapa gerai masih mempunyai bekalan, namun jumlahnya terpencil dan jika ada sekalipun hanya mampu bertahan satu atau dua jam berikutan permintaan tinggi, walaupun harga meningkat.

Sementara itu, tinjauan di beberapa stesen minyak mendapati bekalan petrol di negara berkenaan kini kembali pulih dengan tiada lagi jualan dihadkan berbanding sebelum ini.

### Situasi paling teruk

Dalam perkembangan sama, peniaga petrol seludup di sini mendakwa penguatkuasaan ketat di sempadan Kelantan selain di stesen minyak antara punca bekalan petrol sukar diseludup ke negara ini sejak awal bulan lalu.

Mereka turut menyifatkan, situasi kini paling teruk berbanding sebelum ini hanya membabitkan beberapa hari atau minggu sahaja terputus bekalan sebelum bekalan bahan api itu kembali pulih.

Namun, kini bekalan petrol seludup dari Malaysia khususnya Kelantan sukar sejak bulan lalu, malah mereka kini berdepan masalah bekalan, lebih sebulan.



Antara gerai menjual RON95 dipercayai diseludup di pekan Sungai Golok.
(Foto Syaherah Mustafa/BH)

Peniaga dikenali sebagai Ahmad berkata, disebabkan kekurangan bekalan ketara, ramai peniaga di sini terpaksa menutup sementara gerai masing-masing.

"Kebiasaannya, bekalan diseludup masuk menggunakan pangkalan haram di Lubok Gong, Rantau Paniang atau melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Rantau Panjang menerusi pembelian berulang, namun kini sukar dilakukan kerana kawalan ketat," katanya.

Beliau berkata, jika keadaan itu berlarutan dan bekalan sukar dibawa masuk, mungkin selepas ini peniaga petrol terpaksa ikhtiar untuk mencari kerja lain.



Aswadi Jaafar

Mengulas perkara itu, Timbalan Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Aswadi Jaafar, berkata KPDN Kelantan merampas 101 kenderaan dan petrol dengan nilai keseluruhan lebih RM800,000 sejak Januari hingga Mac lalu yang dipercayai digunakan untuk menyeludup bahan api ke negara jiran.

Katanya, kenderaan terbabit kebanyakannya terdiri daripada Proton Waja dengan sebahagian besar tangki kenderaan diubah suai untuk tujuan penyeludupan.

Beliau berkata, dalam tempoh sama, pihaknya turut menahan 57 penyeludup, termasuk warga Thailand.

"Sejak Januari hingga Mac, kita merampas 14,834 liter petrol membabitkan nilai hampir RM40,000 dan 2,747 liter diesel bernilai lebih RM8,000 yang dipercayai cuba diseludup ke Thailand.

"Hasil rampasan dan tangkapan itu, kita merekodkan 151 kes untuk tahun ini dan semua kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, modus operandi yang dilakukan penyeludup adalah pelbagai cara, termasuk kebanyakannya melakukan pembelian berulang dengan tangki minyak diubah suai.

"Bagi menangani kegiatan penyeludupan membabitkan petrol dan diesel, kita sentiasa memberi amaran kepada pengusaha stesen, terutama 48 stesen minyak yang berada di kawasan sempadan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pemikiran Baharu
Utusan Malaysia

HARI: JUMAAT
TARIKH: 10/4/2026
M/SURAT: 30

# Pengurangan kuota subsidi petrol kurangkan beban fiskal negara

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI
zakkina.tarmizi@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Langkah kerajaan mengurangkan kuota penggunaan petrol bersubsidi di bawah BUDI95 daripada 300 liter kepada 200 liter sebulan adalah tepat dalam usaha mengurangkan beban fiskal negara, menurut Bank Dunia.

Ketua Ekonomi Bank Dunia untuk Malaysia, Dr. Apurva Sanghi berkata, pengurangan kuota tersebut secara langsung menyasarkan golongan berpendapatan tinggi (T10 dan T20), yang secara tradisinya menggunakan bahan api dalam jumlah lebih besar.

"Dengan had baharu 200 liter, golongan ini dijangka akan mula membayar harga pasaran bagi penggunaan tambahan, sekali gus mengurangkan ketirisan subsidi.

"Pendekatan ini lebih bersasar berbanding menaikkan harga petrol secara menyeluruh, yang berpotensi memberi kesan negatif kepada keseluruhan ekonomi, khususnya dalam bentuk "kemusnahan permintaan," katanya dalam pembentangan Laporan Pemantau Ekonomi Malaysia (MEM) April 2026 di Sasana Kijang di sini semalam.



**KERAJAAN mengurangkan kuota subsidi petrol di bawah BUDI95 daripada 300 liter sebulan kepada 200 liter sebulan berikutan lonjakan harga minyak mentah dunia. - GAMBAR HIASAN**

Menurut Apurva, keadaan ini telah dilihat berlaku di beberapa negara serantau seperti Thailand dan Filipina apabila harga bahan api meningkat secara mendadak.

"Buat masa ini, kerajaan masih mengekalkan harga petrol RON95 sekitar RM1.99 seliter bagi majoriti rakyat, sambil mengawal penggunaan melalui kuota.

"Langkah ini dilihat sebagai usaha menyeimbangkan antara perlindungan pengguna dan kestabilan fiskal. Namun begitu, persoalan utama adalah sejauh mana kerajaan mampu mengekalkan pendekatan ini dalam jangka panjang.

"Sekiranya tekanan fiskal meningkat, beberapa pelarasan mungkin perlu dilakukan, termasuk pengurangan kuota selanjutnya atau kenaikan harga bahan api secara berperingkat," katanya.

Dari sudut fiskal, jelasnya, defisit negara telah berjaya dikurangkan kepada sekitar 3.6 peratus berbanding melebihi enam peratus semasa krisis terdahulu.

"Penambahbaikan ini sebahagiannya disumbang oleh peningkatan hasil cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

"Walau bagaimanapun, kebergantungan kepada hasil berkaitan komoditi dan SST sahaja bukanlah strategi mampan untuk jangka panjang," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, katanya, unjuran harga minyak mentah Brent bagi tahun ini telah disemak naik kepada AS$80 (RM318.08) setong, berbanding AS$60 (RM238.56) dalam unjuran terdahulu.

"Walaupun kenaikan harga minyak memberi manfaat kepada Malaysia sebagai pengeksport tenaga, kesan tidak langsung seperti peningkatan kos makanan, baja dan pengangkutan dijangka memberi tekanan kepada pengguna," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

ASIA TIMES EST 1995

HARI: JUMAAT

TARIKH: 10/4/2026

M/SURAT: 11

# Fleet card expansion a transformative move to curb diesel leakages in Sabah



*Chan is confident the initiative could deliver long-term benefits to both industry players and consumers.*

**KOTA KINABALU: The expansion of the fleet card system for land freight operators to Sabah has been widely welcomed as a significant and transformative step towards ensuring more efficient and seamless diesel subsidy distribution across East Malaysia.**

Sabah Chapter National Consumer Foundation Malaysia (YPNM) chairman David Chan said the initiative reflects the government's commitment to ensuring subsidies reach genuine transport operators while addressing long-standing issues of leakages and inefficiencies.

He described the move, announced by Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof, as crucial in supporting Sabah's logistics ecosystem, which faces higher operating costs due to geographical challenges.

"YPNM views the fleet card mechanism as a positive step that can enhance transparency, reduce subsidy leakages, and safeguard the sustainability of government support amid rising global fuel prices and economic uncertainties," he told Bernama.

During a briefing on the global energy crisis on Monday, Fadillah announced the expansion of the Subsidised Diesel Control Scheme (SKDS) to Sabah, Sarawak, and Labuan. He also warned that firm action, including the suspension and revocation of approvals, would be taken against any parties found abusing the subsidies.

Fadillah revealed that Ops Tiris 4.0 (Integrated), carried out from March 16 to April 5, recorded seizures of subsidised goods worth more than RM2 million following 8,148 inspections that resulted in 155 cases.

Of the total, 60 cases involved diesel with seizure values exceeding RM2.1 million, 47 cases involved RON95 (RM51,299), 21 cases involved liquefied petroleum gas (RM37,822), and 27 cases involved cooking oil, sugar and wheat flour.

Elaborating further, Chan said the structured implementation of the system is expected to strengthen monitoring and enforcement while fostering greater accountability among industry players.

He emphasised the importance of ensuring inclusivity for small-scale and rural operators, noting that a well-managed system would stabilise supply chains and maintain the affordability of essential goods, particularly in Sabah, where land transport plays a critical role in distribution.

"Sabah's economy is highly dependent on land transportation for the distribution of goods. Any disruption or inefficiency in fuel subsidy mechanisms will have a direct impact on food prices, daily necessities, logistics and supply chain stability," he said.

Chan also expressed confidence that with proper enforcement and clear guidelines, the initiative could deliver long-term benefits to both industry players and consumers.

The fleet cards system, he said, forms part of broader efforts to streamline fuel subsidy mechanisms, improve targeting and ensure sustainable fiscal management while safeguarding the welfare of the rakyat.

Meanwhile, Sabah United Chinese Chambers of Commerce (SUCCC) president Datuk Michael Lui said the fleet card rollout had to be carefully implemented to enhance efficiency without disrupting the existing SKDS relied upon by businesses.

He cautioned that introducing new measures without thorough consideration could create uncertainty and negatively impact development in the state.

"I called on the government to provide the public with a more detailed and comprehensive proposal and to engage in meaningful dialogue with local industry players... ensuring that policies are aligned with Sabah's actual needs and long-term development goals," he said.

Lui said the diesel subsidy system plays a crucial role not only in supporting transport operators but also in driving Sabah's broader economic development, warning that any changes could increase costs for businesses and widen the development gap with Peninsular Malaysia.

"I cautioned that if new measures are introduced without thorough consideration, they could create uncertainty and negatively affect local development," he said. – Bernama

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 10 APRIL 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 10-Apr | KPDN Perak sita alat ganti tiruan telefon bimbit bernilai lebih RM20,000 | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-sita-alat-ganti-tiruan-telefon-bimbit-bernilai-lebih-rm20000 | ASTRO AWANI |
| 10-Apr | KPDN seizes counterfeit mobile phone parts worth over RM20,000 | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2542731 | BERNAMA |
| 10-Apr | Aksesori alat ganti tiruan te-lefon bimbit bernilai RM21,415 disita KPDN | https://www.kosmo.com.my/2026/04/09/aksesori-alat-ganti-tiruan-telefon-bimbit-bernilai-rm21415-disita-kpdn/ | KOSMO |
| 10-Apr | KPDN rampas aksesori tele-fon tiruan bernilai RM21,415 | https://www.bernama.com/bm/news.php/am/bfokus/news.php?id=2542727 | BERNAMA |
| 10-Apr | Aksesori alat ganti telefon tiruan bernilai RM21,415 disita | https://www.buletintv3.my/nasional/aksesori-alat-ganti-telefon-tiruan-bernilai-rm21415-disita/ | TV3 |
| 10-Apr | KPDN Perak sita aksesori telefon tiruan lebih RM20,000 | https://www.tvsarawak.my/2026/04/09/kpdn-perak-sita-alat-ganti-aksesori-telefon-bimbit-tiruan-bernilai-lebih- | TVS |
| 10-Apr | KPDN Perak sita lebih 1,100 aksesori telefon tiruan | https://www.ummahtoday.com.my/kpdn-perak-sita-lebih-1100-aksesori-telefon-tiruan-bernilai- | UMMAH TODAY |
| 10-Apr | KPDN Perak sita alat ganti aksesori telefon tiruan | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1343495/kpdn-perak-sita-alat-ganti-aksesori-telefon-bimbit-tiruan- | HARIAN METRO |
| 10-Apr | Lebih 1,000 unit barangan cap dagangan disita | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/lebih-1000-unit-barangan-guna-cap-dagangan-berdaftar-disita/ | RTM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Apr | 809 stesen minyak dipantau KPDN Selangor | https://www.sinarharian.com.my/article/775026/edisi/selangor-kl/809-stesen-minyak-79-pemborong-diesel-dipantau- | SINAR HARIAN |
| 10-Apr | Ops Tiris: cubaan seleweng diesel digagalkan di Pulau Banggi | https://sabahmedia.com/2026/04/09/ops-tiris-4-0-kpdn-kudat-gagalkan-cubaan-seleweng-800-liter-diesel-di-pulau- | SABAH MEDIA |
| 10-Apr | Berita berkaitan pemantauan diesel | https://www.sinarharian.com.my/ | SINAR HARIAN |
| 10-Apr | Ministry seizes illicit diesel in Pulau Banggi | https://www.thestar.com.my/news/nation/2026/04/09/ministry-seizes-800-litres-of-illicit-diesel-in-pulau-banggi | THE STAR |
| 10-Apr | Lelaki guna SUV mewah seludup petrol ke Thailand ditahan | https://www.utusan.com.my/berita/2026/04/lelaki-guna-suv-mewah-seludup-petrol-ke-thailand-di-cekup/ | UTUSAN |
| 10-Apr | Helah guna SUV seludup petrol gagal | https://malaysiatribune.news/helah-guna-suv-seludup-petrol-gagal-lelaki-ditahan-kpdn-kelantan/ | MALAYSIA TRIBUNE |
| 10-Apr | Bekalan diesel Negeri Sembilan mencukupi | https://themalaysiapress.com/bekalan-diesel-di-negeri-sembilan-masih-mencukupi/ | THE MALAYSIA PRESS |
| 10-Apr | 3 lelaki diberkas seleweng 3,300 liter diesel | https://www.kosmo.com.my/2026/04/09/3-lelaki-diberkas-sedut-3300-liter-diesel-jual-pasaran-gelap/ | KOSMO |
| 10-Apr | KPDN Johor rampas 3,300 liter diesel | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/kpdn-johor-rampas-3300-liter- | UTUSAN |
| 10-Apr | Seleweng bahan api: 3 ditahan, diesel RM73k dirampas | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2026/04/1531537/seleweng-bahan-api-3-ditahan-3300-liter-diesel- | BERITA HARIAN |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Apr | KPDN Johor rampas diesel lebih RM73,000 | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-johor-rampas-3300-liter-diesel-bernilai-lebih-rm73000/ | RTM |
| 10-Apr | 3 ditahan seleweng diesel RM73,000 | https://www.buletintv3.my/nasional/3-ditahan-seleweng-diesel-bernilai-lebih-rm73000/ | TV3 |
| 10-Apr | Taktik ubah suai lori terbongkar | https://www.sinarharian.com.my/article/775040/berita/semasa/taktik-ubah-suai-lori-terbongkar-3300-liter- | SINAR HARIAN |
| 10-Apr | Johor KPDN busts diesel syndicate | https://www.nst.com.my/news/regional/2026/04/1414225/johor-kpdn-busts-diesel-syndicate-seizes-3300-litres | NST |
| 10-Apr | Diesel syndicate busted using modified lorries | https://www.malay.news/johor-kpdn-busts-diesel-syndicate-using-modified-lorries-seizes-3300-litres-worth-rm73296/ | MALAY NEWS |
| 10-Apr | KPDN Selangor guna kod QR pantau stesen minyak | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-selangor-pergiat-pemantauan-stesen-minyak-guna-kod-qr/ | RTM |
| 10-Apr | Berita berkaitan penguatkuasaan KPDN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2542997 | BERNAMA |
| 10-Apr | Enforcement update by ministry | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2543006 | BERNAMA |
| 10-Apr | Dua lelaki ditahan seleweng 4,000 liter diesel | https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/dua-lelaki-ditahan-4000-liter-diesel-diseleweng-di-sungai- | UTUSAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Apr | KPDN Kelantan rampas minyak masak cuba diseludup | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1531605/kpdn-kelantan-rampas-2-tan-minyak-masak-cuba- | BERITA HARIAN |
| 10-Apr | Dua lelaki dicekup pindah diesel | https://www.kosmo.com.my/2026/04/09/dua-lelaki-dicekup-ketika-leka-pindah-diesel/ | KOSMO |
| 10-Apr | Dua individu disiasat pindah diesel haram | https://www.sinarharian.com.my/article/775059/berita/semasa/pindah-diesel-secara-haram-dua-individu- | SINAR HARIAN |
| 10-Apr | Dua ditahan pindah diesel haram | https://www.buletintv3.my/nasional/dua-ditahan-ketika-pindah-4000-liter-diesel-haram/ | TV3 |
| 10-Apr | Kegiatan seleweng diesel dibongkar | https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kegiatan-seleweng-diesel-dibongkar-nilai-rampasan-cecah-rm176000/ | RTM |
| 10-Apr | Border smuggling attempt busted | https://www.nst.com.my/news/regional/2026/04/1414073/border-smuggling-attempt-busted-rm60k-fuel-seized | NST |
| 10-Apr | Sindiket gagal seludup minyak masak ke Thailand | https://www.utusan.com.my/berita/2026/04/sindiket-gagal-seludup-2-8-tan-minyak-masak-peket-ke- | UTUSAN |
| 10-Apr | Sindiket seludup minyak masak gagal | https://themalaytribune.com/sindiket-gagal-seludup-2-8-tan-minyak-masak-peket-ke | THE MALAY TRIBUNE |
| 10-Apr | KPDN Kelantan patah cubaan seludup minyak masak | https://www.sinarharian.com.my/article/775081/berita/semasa/kpdn-kelantan-patahkan-cubaan-seludup-hampir-3-tan-minyak-masak | SINAR HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Apr | Enforcement update | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2543132 | BERNAMA |
| 10-Apr | Berita penguatkuasaan KPDN | https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2543125 | BERNAMA |
| 10-Apr | 3 ditahan cubaan seludup minyak masak | https://www.buletintv3.my/nasional/3-ditahan-kpdn-gagalkan-cubaan-seludup-lebih-2-tan-minyak-masak-subsidi/ | TV3 |
| 10-Apr | Sindiket penyeludupan tumpas | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1343723/sindiket-penyeludupan-tumpas-gagal-pindah-dua-tan-minyak-ke-rumah- | HARIAN METRO |
| 10-Apr | Bekalan beras berkurang akibat pembelian panik | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pembelian-panik-punca-bekalan-beras-putih-berkurang-di-labuan/ | RTM |
| 10-Apr | Bekalan beras di Labuan mencukupi | https://www.nabalunews.com/post/bekalan-barang-kawalan-beras-di-labuan-mencukupi | NABALUNEWS |
| 10-Apr | Shell demand spikes may cause shortages | https://www.nst.com.my/business/corpo-rate/2026/04/1414139/shell-demand-spikes-may-cause- | NST |
| 10-Apr | Temporary fuel hiccups at Shell stations | https://www.malay.news/temporary-fuel-hiccups-at-some-shell-stations-company-assures-customers-of-steady-supply/ | MALAY NEWS |
| 10-Apr | Subsidi lindungi sektor logis-tik | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2026/04/1531495/subsidi-kerajaan-lindungi-sektor-logistik-daripada- | BERITA HARIAN |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10-Apr | Pesawah Langkawi bakal terima permit diesel | https://www.kosmo.com.my/2026/04/09/1000-pesawah-langkawi-lega-bakal-terima-permit-khas-beli-diesel/ | KOSMO |
| 10-Apr | Subsidi diesel bantu pesawah Langkawi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/subsidi-diesel-sinar-baharu-untuk-pesawah-di-langkawi/ | RTM |
| 10-Apr | Shell pantau situasi bekalan | https://berita.rtm.gov.my/niaga/senarai-berita-niaga/senarai-artikel/shell-pantau-rapi-situasi-semasa-komited-pulih-bekalan/ | RTM |
| 10-Apr | KPDN Selangor perketat Ops Tiris | https://malaysiaaktif.my/2026/04/kpdn-selangor-perketat-pemeriksaan-ops-tiris-4-0/ | MALAYSIA AKTIF |
| 10-Apr | Enforcement update Selangor | https://mediaselangor.com/en/2026/04/351339 | MEDIA SELANGOR |
| 10-Apr | 突击17地点包括知名餐馆 森移民局逮66非法外籍人士 | https://sembilan.sinchew.com.my/news/20260409/ | SIN CHEWE |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT